

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HMP 204 Linguistik Sejarah dan Perbandingan
Bahasa Melayu Polinesia

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab LIMA (5) soalan. SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan EMPAT (4) soalan yang lain.

- Tulis nombor 1 hingga 7 secara berurutan di muka hadapan kertas jawapan sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak.
- Sebaik mungkin, jawapan berurutan daripada nombor rendah ke nombor yang tinggi.
- Jawapan mestilah mengemukakan hujah yang ringkas, tepat dan analitikal.
- Di samping isi, aspek bahasa juga diambil kira.
- Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Ada dua teori yang popular tentang perkembangan dialek menjadi bahasa, iaitu Teori Pohon oleh Schleicher dan Teori Gelombang oleh Wilhelm Schmidt. Sila bincangkan kedua-dua teori ini dengan merujuk pada bahasa Malaysia baku. Tunjukkan juga skema setiap teori bagi memperjelas huraiannya anda.
2. Apakah tujuan dan matlamat kajian Linguistik Sejarah dan Ilmu Perbandingan Bahasa Rumpun Austronesia?
3. Dengan melihat wilayah penyebaran bahasa Austronesia, sila berikan kesimpulan tentang asal usul bahasa Melayu.

4. Di antara teori awal timbulnya bahasa yang dikemukakan berikut ini, teori manakah yang paling anda setujui (pilih satu sahaja). Bincangkan!
 - (a) Teori Tekanan Sosial oleh Adam Smith.
 - (b) Teori Oral oleh Richard Piget.
 - (c) Teori Seruan oleh Etienne Bonnet Condillac.
 - (d) Teori Ujaran oleh Noire.
 - (e) Teori Isyarat oleh Wilhelm Wundt.
5. Bahasa Jenis Sabah dikatakan menggunakan Ayat Perintah secara neutral. Apakah maksud kenyataan ini dan berilah kias untuk menjelaskannya.
6. Menurut pendapat anda, apakah ciri yang dapat dikemukakan bahawa bahasa Iban lebih mirip ke bahasa Melayu daripada bahasa Jenis Sarawak yang lain?
7. Bahasa Austronesia Purba mengenal sistem empat vokal manakala bahasa Melayu Induk mengenal sistem enam vokal. Nyatakan bentuk vokal berkenaan dan bincangkan.

-00000000-